

Berita Harian - 13.11.2020

Pelan Rekalibrasi PATI bermula 16 November

Dua inisiatif beri peluang pendatang pulang, bekerja secara sah



**Dalam
landskap
ekonomi tidak
menentu akibat
pandemik
COVID-19,
kerajaan membuat
timbang tara
strategik terhadap
pelan ini dengan
menilai kesan
positif dan negatif
pelaksanaannya.**

**Hamzah Zainudin,
Menteri Dalam Negeri**

Putrajaya: Kerajaan melancarkan Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memberi peluang kepada mereka sama ada pulang ke negara asal dengan sukarela atau bekerja secara sah di negara ini.

Pelan itu merangkumi dua komponen utama, iaitu Program Rekalibrasi Pulang dan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja yang akan dilaksanakan bermula 16 November ini hingga 30 Jun tahun depan kepada PATI yang ada di negara ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin, berkata Program Rekalibrasi Pulang membekalkan PATI pulang ke negara asal secara sukarela tertakluk kepada syarat tertentu ditetapkan.

Hamzah berkata, Program Rekalibrasi Tenaga Kerja pula menjadikan PATI yang ada di negara ini sebagai pekerja asing sah dan digaji majikan layak, tertakluk kepada syarat ketat diputuskan kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia serta Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

"Kita masih membeku kemasukan pekerja asing baharu ke Malaysia dan ia masih diteruskan.

"Pelan ini adalah untuk PATI dalam negara dan jika mereka ingin bekerja secara sah boleh atau kalau ingin pulang ke negara asal juga boleh. Kita beri tempoh hingga 30 Jun (tahun depan)," katanya ketika melancarkan Pelan Rekalibrasi PATI itu di Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M Saravanan dan Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimee Daud.

Hamzah berkata, Pelan Rekalibrasi PATI itu akan

nan penawaran program tenaga kerja kepada PATI sejia ada itu, tidak akan menggugat pasaran dan peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat tempatan.

"Peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan terjamin tertakluk kepada dasar penetapan nisbah pekerja tempatan dan pekerja asing berkuat kuasa ketika ini," katanya menambah kerajaan sentiasa mengutamakan rakyat tempatan bagi mengisi kekosongan tenaga kerja dalam semua sektor ekonomi.

Menjelus lanjut, Hamzah berkata, empat sektor, iaitu pembinaan, perkilangan, perdagangan dan pertanian dibenarkan mengambil mereka bekerja dalam tempoh pelaksanaan Pelan Rekalibrasi PATI.

"Buat masa ini, hanya majikan beroperasi dalam empat sektor bersifat 3D, iaitu kotor, bahaya dan sukar dibenarkan mengambil mereka sebagai pekerja," katanya sambil menambah pelan itu hanya untuk PATI daripada 15 negara sumber seperti Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar dan Bangladesh.

Hamzah berkata, satu Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Pelan Rekalibrasi PATI ditubuhkan dengan diketuai Ketua Setiausaha KDN, Datuk Wan Ahmad Dahlia Abdul Aziz.

Jawatankuasa itu dianggotai pelbagai agensi seperti Kementerian Sumber Manusia (KSM), Imigresen, JTKSM dan beberapa agensi berkaitan yang berperanan memantau dan mengawal selia pelaksanaan Pelan Rekalibrasi PATI.

"Jawatankuasa Khas bagi membincangkan hal ehwal pekerja asing diperlakukan bersama antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia pula akan bermesyuarat setiap tiga bulan.

"Jawatankuasa Khas peringkat menteri itu turut membincangkan keperluan meluaskan Pelan Rekalibrasi PATI kepada sektor lain kelak dan dasar berkaitan ekspatriat. Mesyuarat pertama jawatankuasa ini dijadualkan pada 3 Disember ini," katanya.

BERNAMA

dilaksanakan Jabatan Imigresen (Imigresen) dengan kerjasama strategik JTKSM dan agensi kerajaan lain tanpa pembabitan vendor atau pihak ketiga.

Menerusi pelan itu, Hamzah berkata, kerajaan dijangka memperoleh kutipan hasil RM96 juta daripada kompaun dan bayaran lain dikenakan terhadap PATI dan majikan.

"Dalam landskap ekonomi tidak menentu akibat pandemik COVID-19, kerajaan membuat timbang tara strategik terhadap pelan ini dengan menilai kesan positif dan negatif pelaksanaannya," katanya.

Pertimbangan turut diwujudkan dalam aspek keperluan mengumpulkan data taburan dan demografi PATI di negara ini bagi tujuan penguatkuasaan menyeluruh seperti digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI diperkenalkan kan kerajaan.

"Pendaftaran PATI boleh diselaraskan melalui maklumat dikemukakan PATI dan majikan ketika pendaftaran program ini," katanya.

Hamzah memberi jaminan